

ah



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN VERIFIKASI REKA BENTUK DAN
KELULUSAN PENGUBAHAN BAGI JENTERA MENGANGKAT
SELAIN LIF, ESKALATOR DAN LALUAN GERAK**

2025

Kandungan

1.0	PENDAHULUAN	2
2.0	PUNCA KUASA.....	2
3.0	TAFSIRAN	2
4.0	SKOP	2
4.1	Pemakaian Skop	2
4.2	Ketidakpakaian	3
4.3	Jenis Permohonan Berkaitan Jentera Mengangkat.....	3
5.0	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	4
5.1	Akses Sistem Atas Talian	4
5.2	Kategori Pemohon.....	4
5.3	Reka bentuk Mematuhi Standard Yang Diiktiraf.....	5
5.4	Syarat-syarat Verifikasi Reka Bentuk Jentera Mengangkat Baru	5
5.5	Syarat-syarat Kelulusan Pengubahan.....	6
	Kategori Pemohon Kelulusan Pengubahan:.....	6
5.6	Syarat-syarat Verifikasi Reka Bentuk Jentera Mengangkat Terpakai.....	6
5.7	Permohonan Semula	7
6.0	PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN.....	7
7.0	DOKUMEN PERMOHONAN	9
7.1	Dokumen Permohonan Verifikasi Reka Bentuk (Baru).....	9
7.2	Dokumen Permohonan Kelulusan Pengubahan	12
7.3	Dokumen Permohonan Verifikasi Reka Bentuk (Terpakai)	12
8.0	PEMAKLUMAN	14
9.0	FI.....	14
10.0	PIAGAM PELANGGAN	15
	Lampiran 1A: Kategori Jentera Mengangkat.....	16
	Lampiran 1B: Kategori Loji Mudah Alih Jentera Mengangkat.....	20
	Lampiran 2: Ketidakpakaian Peraturan LYMPK 2024 (Jentera Mengangkat).....	21
	Lampiran 3: Format Laporan Integriti.....	22
	Lampiran 4: Senarai Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa Berdasarkan Jadual Pertama.....	23

1.0 PENDAHULUAN

Panduan ini disediakan untuk rujukan pemohon semasa membuat permohonan verifikasi reka bentuk dan kelulusan pengubahan jentera mengangkat bagi memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas. Panduan ini menetapkan syarat-syarat permohonan verifikasi reka bentuk dan kelulusan pengubahan bagi jentera mengangkat selain lif, eskalator dan laluan gerak berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024.

Setiap jentera mengangkat yang menggunakan pacuan kuasa (*power driven*) seperti elektrik, diesel, pneumatik dan setara dengannya perlu memiliki Perakuan Kelayakan Jentera mengangkat (CF) yang sah untuk digunakan. Setiap jentera mengangkat hendaklah mendapat verifikasi reka bentuk daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Ibu Pejabat iaitu Bahagian Keselamatan Industri (BKI) sebelum dibina, dipasang atau digunakan.

Permohonan pendaftaran jentera mengangkat boleh dimohon setelah mendapat verifikasi reka bentuk.

2.0 PUNCA KUASA

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (Peraturan LYMPK 2024) diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Seksyen 27B iaitu Menteri boleh menetapkan mana-mana loji yang baginya suatu perakuan kelayakan dikehendaki. Peraturan ini mula **berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024**.

Pembangunan panduan ini adalah berdasarkan Seksyen 27C, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) dimana Ketua Pengarah boleh menetapkan terma dan syarat yang perlu dipatuhi.

3.0 TAFSIRAN

Di bawah Peraturan LYMPK 2024, jentera mengangkat adalah antara loji yang ditetapkan sebagai loji yang menghendaki perakuan kelayakan. Tafsiran jentera mengangkat sebagaimana dinyatakan dalam peraturan ini; ertinya apa-apa kelengkapan untuk mengangkat, menaikkan, mengangkut atau menurunkan beban.

4.0 SKOP

4.1 Pemakaian Skop

Berdasarkan tafsiran yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024, jentera mengangkat selain lif, eskalator dan laluan gerak dibahagikan kepada dua belas (12) kategori utama seperti berikut dan jenis jentera mengangkat sepertimana di **Lampiran 1A**:

1. Kren bergerak;
2. Kren menara;
3. Kren dermaga;
4. Kren kembara atas;
5. Lain-lain kren;
6. Pengangkat benda;
7. Pengangkat penumpang;
8. Kelengkapan akses gantung;
9. Gantri pelancaran;
10. Keretapi funikular;
11. Pelantar kerja aerial; dan
12. Lain-lain jentera mengangkat

Tafsiran jentera mengangkat yang dinyatakan dalam Peraturan LYMPK 2024 adalah **merujuk kepada ciri-ciri dan fungsi jentera mengangkat tersebut bukan kepada nama jentera sahaja**. Rujuk Lampiran 1A untuk senarai kategori utama dan jenis jentera mengangkat.

Pemasangan dan pembukaan bagi jentera yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh, Peraturan LYMPK 2024 hendaklah dijalankan oleh Orang Kompeten berdaftar dengan Jabatan atau pengilang asalan. Pengilang asalan hendaklah mendapat kebenaran pemasangan dan pembukaan loji *one-off* daripada Ketua Pengarah.

4.2 Ketidakpakaian

Walau bagaimanapun, Peraturan LYMPK 2024 tidak terpakai bagi jentera mengangkat manual dan jentera mengangkat yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, di bawah Peraturan ini (Rujuk Lampiran 2). Tafsiran jentera mengangkat dalam Jadual ini **adalah merujuk kepada ciri-ciri dan fungsi khusus jentera mengangkat tersebut dan bukan tertakluk kepada nama jentera sahaja**.

4.3 Jenis Permohonan Berkaitan Jentera Mengangkat

a) Verifikasi Reka Bentuk Jentera Mengangkat Baru (Tempatan)

Jentera mengangkat baru buatan Malaysia dan tidak pernah digunakan (*unused lifting machinery*).

b) Verifikasi Reka Bentuk Jentera Mengangkat Baru (Import)

Jentera mengangkat baru buatan di luar Malaysia dan tidak pernah digunakan (*unused lifting machinery*).

c) Kelulusan Pengubahan Reka Bentuk Jentera Mengangkat

Permohonan kelulusan pengubahan jentera mengangkat hendaklah dibuat apabila melibatkan:

- i) Reka bentuk yang boleh menjejaskan kekuatan, integriti atau keupayaan fungsi mana-mana jentera mengangkat; atau
- ii) Sebarang perubahan beban kerja selamat bagi jentera mengangkat.

d) Verifikasi Reka Bentuk Jentera Mengangkat Terpakai

Jentera mengangkat terpakai adalah seperti berikut :

- i) Jentera mengangkat yang belum pernah mendapat verifikasi tetapi telah digunakan; atau
- ii) Jentera mengangkat yang dibina melebihi tempoh 2 tahun daripada tahun semasa. Permohonan verifikasi jentera mengangkat tersebut dibuat pada tahun semasa.

e) Demo Jentera Mengangkat

Semua Orang Kompeten baru berdaftar atau Orang Kompeten yang ingin menambah skop jentera mengangkat hendaklah lulus demo jentera mengangkat (jika perlu). Orang Kompeten hendaklah menyatakan tujuan permohonan pada maklumat tambahan di dalam sistem MySKUD dan melampirkan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti di Jadual 1 dan dokumen tambahan berikut iaitu:

- i) Lukisan reka bentuk hendaklah juga mengandungi perincian kimpalan;
- ii) Inspection test plan (ITP);
- iii) Mill certification;
- iv) WPS, WQT, PQR; dan
- v) Welder log.

5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

5.1 Akses Sistem Atas Talian

Permohonan verifikasi reka bentuk hanya boleh dibuat melalui sistem atas talian MySKUD secara single sign-on (SSO) melalui sistem MyKKP. Oleh itu, pemohon hendaklah mempunyai akaun MyKKP bagi tujuan mengakses MySKUD: <https://mykkp.dosh.gov.my/myKKP/#/home/log-masuk>

5.2 Kategori Pemohon

Pemohon verifikasi reka bentuk jentera mengangkat yang layak memohon:

- i) Orang Kompeten (syarikat) yang berdaftar dengan Jabatan; atau
- ii) Pengilang asalan jentera mengangkat (import sahaja); atau
- iii) Pemasang atau pengedar tunggal atau pengedar atau ejen sah yang dilantik oleh pengilang asalan jentera mengangkat (import sahaja). Surat lantikan atau pengesahan daripada pengilang asalan hendaklah dilampirkan.

Orang Kompeten (syarikat) berdaftar sahaja yang boleh membuat permohonan verifikasi jentera mengangkat yang dikilangkan di Malaysia. Senarai dan skop pendaftaran Orang Kompeten (syarikat) berdaftar boleh disemak melalui <https://mykkp.dosh.gov.my/myKKP/#/home/semakan-fyk>

Pemunya atau penghuni atau pemohon verifikasi reka bentuk yang telah memperoleh verifikasi reka bentuk sahaja yang dibenarkan membuat permohonan

kebenaran memasang (PTI). Selain pihak yang dinyatakan ini, adalah tidak dibenarkan untuk memohon kebenaran memasang.

Permohonan PTI bagi **loji jentera mengangkat mudah alih, hanya Pemohon Verifikasi** yang telah memperoleh verifikasi reka bentuk sahaja yang dibenarkan untuk memohon PTI. Rujuk **Lampiran 1B** bagi senarai loji jentera mengangkat mudah alih.

5.3 Reka bentuk Mematuhi Standard Yang Diiktiraf

Bermula pada 1 Jun 2024, pemohon hendaklah memastikan setiap permohonan verifikasi reka bentuk jentera mengangkat adalah mengikut standard yang diiktiraf oleh Jabatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

5.4 Syarat-syarat Verifikasi Reka Bentuk Jentera Mengangkat Baru

Verifikasi reka bentuk jentera mengangkat (baru) yang dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan Industri (BKI) terbahagi kepada dua jenis iaitu:

a) Model

Verifikasi reka bentuk dikeluarkan bagi jentera mengangkat (baru) yang dibina pada tarikh verifikasi dikeluarkan dan tempoh sah verifikasi adalah tiga (3) tahun. Pendaftaran jentera yang menggunakan verifikasi model ini hanya sah untuk jentera mengangkat yang dibina dalam tempoh sah verifikasi tersebut.

Contoh: Tarikh verifikasi dikeluarkan pada 28 Mac 2025. Model yang telah mendapat verifikasi bermula pada tarikh ini yang dibina dalam tempoh tiga (3) tahun tersebut sehingga 27 Mac 2028 sahaja boleh didaftarkan menggunakan verifikasi tersebut.

b) No. Siri

Verifikasi reka bentuk dikeluarkan bagi jentera mengangkat (baru) yang dibina melebihi tempoh dua (2) tahun semasa permohonan verifikasi dibuat dan tempoh sah verifikasi adalah tiga (3) tahun dan hanya sah bagi no. siri jentera tersebut sahaja. Pemohon perlu menyatakan maklumat no. siri yang ingin dimohon dengan lengkap bagi setiap permohonan.

Contoh: Jentera mengangkat (baru) yang dibina pada tahun 2023 atau 2024 dan tarikh permohonan verifikasi pada 20 Februari 2025. Maka verifikasi dikeluarkan hanya sah bagi no. siri jentera yang dimohon sahaja. Pendaftaran jentera mengangkat ini hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh verifikasi dikeluarkan.

5.5 Syarat-syarat Kelulusan Pengubahan

Kelulusan pengubahan hendaklah diperoleh bagi pengubahan jentera mengangkat melibatkan reka bentuk yang boleh menjejaskan kekuatan, integriti atau keupayaan fungsi loji jentera mengangkat dan beban kerja selamat tetapi tidak termasuk seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 27D(9), AKKP 1994. Pemunya hendaklah memastikan kerja-kerja pengubahan dijalankan oleh Orang Kompeten (syarikat) pengilang atau pengilang asalan.

Hanya jentera mengangkat yang telah mempunyai Perakuan Kelayakan (CF) dan skop pengubahan tersebut dibenarkan oleh pengilang atau pengilang asalan sahaja dibenarkan untuk permohonan kelulusan pengubahan.

Perbincangan dengan Seksyen Kelulusan Reka Bentuk, Bahagian Keselamatan Industri (BKI), JKKP Ibu Pejabat adalah disarankan sebelum permohonan ini dikemukakan. Pemohon perlu memberi penerangan terperinci, jelas dan justifikasi serta maklumat tambahan lain selain dokumen-dokumen yang disebutkan perenggan 7.2.

Jentera mengangkat yang telah mendapat kelulusan pengubahan hendaklah mendapat perakuan kelayakan yang sah sebelum dikendalikan.

Kelulusan pengubahan hendaklah diperoleh bagi jentera mengangkat yang hendak berpindah lokasi dan dibina sebagai struktur kekal serta berdasarkan tempat pemasangan asal tersebut (walaupun tiada perubahan SWL) seperti *overhead travelling crane* dan kren dermaga.

Kategori Pemohon Kelulusan Pengubahan:

- i) Pengilang asalan yang akan menjalankan kerja-kerja pengubahan. Surat lantikan oleh pemunya hendaklah dilampirkan dengan menyatakan skop kerja-kerja pengubahan; atau
- ii) Orang Kompeten (syarikat) pengilang yang mempunyai skop jentera mengangkat berkenaan dan akan menjalankan kerja-kerja pengubahan. Surat lantikan oleh pemunya hendaklah dilampirkan dengan menyatakan skop lantikan dan kerja-kerja pengubahan; atau
- iii) Orang Kompeten (syarikat) pemasang yang dilantik oleh pengilang asalan. Surat lantikan oleh pemunya kepada Orang Kompeten (syarikat) pemasang hendaklah dilampirkan sebagai pemohon kelulusan pengubahan dan surat lantikan pemunya kepada pengilang asalan dengan menyatakan skop kerja-kerja pengubahan hendaklah dilampirkan.

5.6 Syarat-syarat Verifikasi Reka Bentuk Jentera Mengangkat Terpakai

Perbincangan dengan Seksyen Kelulusan Reka Bentuk, Bahagian Keselamatan Industri (BKI), JKKP Ibu Pejabat hendaklah dijalankan terlebih dahulu sebelum jentera mengangkat terpakai dibeli dan dibawa masuk ke Malaysia dengan mengemukakan dokumen dan maklumat latar belakang jentera mengangkat antaranya surat deklarasi daripada Kastam Diraja Malaysia, rekod-rekod penyenggaraan, rekod pemeriksaan

dan ujian-ujian yang telah dijalankan oleh pemunya terdahulu bagi tujuan penilaian awal dilakukan sebelum sesuatu permohonan dikemukakan.

Pemohon perlu memberi penerangan terperinci dan justifikasi serta maklumat tambahan lain semasa perbincangan tersebut selain dokumen-dokumen yang disebutkan Jadual 1 panduan ini.

Jentera mengangkat mudah alih yang telah digunakan di luar negara yang dibenarkan untuk verifikasi adalah jentera yang dibina tidak lebih lima (5) tahun daripada tahun semasa sahaja.

Manakala jentera mengangkat yang telah digunakan di luar negara seperti berikut tidak dibenarkan untuk verifikasi iaitu jentera mengangkat kategori kren menara, kren kembara atas, pengangkat benda, pengangkat penumpang, kelengkapan akses gantung dan gantri pelancaran.

Permohonan verifikasi reka bentuk bagi jentera mengangkat terpakai hendaklah dimohon berdasarkan no. siri dan tempoh sah verifikasi adalah tiga (3) tahun dan sah bagi no. siri jentera tersebut sahaja.

Contoh: Jentera mengangkat terpakai yang telah dibina pada tahun 2020 dan tarikh permohonan verifikasi pada 20 Februari 2025. Maka verifikasi dikeluarkan hanya sah bagi no. siri jentera yang dinyatakan sahaja. Pendaftaran jentera mengangkat ini hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh verifikasi dikeluarkan.

5.7 Permohonan Semula

Jika permohonan sebelumnya telah DITOLAK, pemohon hendaklah membuat permohonan semula dengan menggunakan no. rujukan yang sama melalui Permohonan Semula di dalam sistem MySKUD.

6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

BUTIRAN (<i>Field</i>)	NOTA PENERANGAN
1) Nama & Alamat Pemohon	Nama dan alamat pemohon adalah seperti nama tempat kerja yang diaktifkan di dalam MyKKP
2) Kakitangan teknikal atau reka bentuk	Nama kakitangan teknikal atau reka bentuk yang bertanggungjawab terhadap permohonan
3) Kategori Permohonan	Pilih baru tempatan atau baru import atau pengubahan atau terpakai import
4) Kategori Jentera Mengangkat	Pilih kategori dan jenis jentera mengangkat dengan tepat
5) Pengilang/ Pengilang Asalan	Masukkan nama dan butiran pengilang atau pengilang asalan. Sekiranya jentera mengangkat yang dimohon adalah buatan Malaysia, pilih Orang Kompeten yang tersenarai
6) Nama Pemunya	Orang yang memiliki jentera mengangkat

BUTIRAN (<i>Field</i>)	NOTA PENERANGAN
7) Nama Penghuni	Dalam konteks panduan ini, orang yang mengendalikan jentera mengangkat. Berdasarkan AKKP 1994, ertinya seseorang yang menguruskan atau mengawal tempat kerja
8) Lokasi Pemasangan	Alamat jentera mengangkat dipasang (jentera pengubahan atau jentera terpakai). Jentera mengangkat baru boleh diletakkan sebagai simpanan atau ' – '
9) No. Siri	No. siri yang diberi oleh pengilang atau pengilang asalan untuk sistem jentera mengangkat yang dimohon. Terhad kepada 50 aksara bagi satu permohonan dengan tandaan (.). No. siri wajib diisi dengan LENGKAP (bagi permohonan perenggan 5.4(b) dan 5.6). Contoh pengisian no. siri yang lengkap: MZ2024082901,MZ2024082902,MZ2024082903
10) Pereka bentuk	Nama syarikat yang merekabentuk sistem jentera mengangkat yang dimohon. Klik butang 'sama seperti nama pengilang' sekiranya perekabentuk dan pengilang asalan adalah sama
11) Model	Model sistem jentera mengangkat yang dimohon merujuk identiti unik bagi keseluruhan jentera mengangkat tersebut (merujuk kepada spesifikasi teknikal) dan bukan model bagi mekanisma jentera pengangkat iaitu hoist/ winch/motor/hydraulic/pneumatic . Nama model diberi oleh pengilang atau pengilang asalan untuk sistem jentera mengangkat yang dimohon. Sila masukkan dengan lengkap. Contoh: PROTON X70 Executive, PERODUA MyVi 1.3V
12) Tahun Dibina	Tahun dibina adalah tahun jentera mengangkat siap dibina . Sila nyatakan tahun semasa sekiranya jentera masih dalam proses rekabentuk dan belum dibina (Ini hanya tertakluk kepada jentera mengangkat baru buatan Malaysia sahaja)
13) Beban Kerja Selamat	Beban maksimum jentera mengangkat dalam unit kilogram (kg) (SWL)
14) Kuasa	Kuasa maksimum jentera mengangkat dalam unit kilowatt (kW)
15) Lukisan Reka bentuk	Spesifik bagi setiap lukisan rekabentuk yang dikemukakan sebagai pengenalan untuk setiap lampiran lukisan reka bentuk jentera mengangkat yang dimohon.
16) Standard Diiktiraf	Standard atau kod reka bentuk yang digunakan oleh pereka bentuk atau pengilang atau pengilang asalan untuk mereka bentuk dan membina sistem jentera mengangkat mengikut standard yang diiktiraf oleh Jabatan. Pemohon boleh merujuk kepada pengilang atau pengilang asalan asalan atau sijil pembuat yang dikeluarkan oleh pengilang.
17) Ujian beban	Masukkan nilai ujian beban berdasarkan standard yang digunakan atau syor pengilang asalan (<i>origin manufacturer's recommendation</i>)
18) Peranti Keselamatan	Senaraikan semua peranti keselamatan dan fungsinya yang terdapat pada jentera mengangkat yang dimohon
19) No. PMA	Nombor perakuan kelayakan jentera mengangkat yang telah dikeluarkan oleh Jabatan (bagi permohonan kelulusan pengubahan)
20) Butiran dan Justifikasi	Penerangan dan justifikasi terhadap kerja-kerja pengubahan dengan jelas dan terperinci (bagi permohonan kelulusan pengubahan)

BUTIRAN (<i>Field</i>)	NOTA PENERANGAN
21) Maklumat Tambahan Lain	Lain-lain maklumat untuk menjelaskan tujuan permohonan

7.0 DOKUMEN PERMOHONAN

7.1 Dokumen Permohonan Verifikasi Reka Bentuk (Baru)

Dokumen permohonan hendaklah dimuatnaik pada sistem MySKUD bagi tujuan verifikasi reka bentuk dan kelulusan pengubahan jentera mengangkat. Dokumen asal daripada pengilang hendaklah jelas. Pemohon diingatkan untuk memastikan setiap dokumen yang dilampirkan diterjemah ke Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan dimuat naik ke folder yang berkenaan. Dokumen permohonan adalah berdasarkan kategori jentera seperti berikut:

(A) Kren, pengangkat, kelengkapan akses gantung, gantri pelancaran, kereta api funikular dan pelantar kerja aerial;

- 1) lukisan reka bentuk;
- 2) kiraan reka bentuk yang menggunakan edisi terkini standard yang diiktiraf;
- 3) katalog atau spesifikasi teknikal bagi pengeluaran besar-besaran;
- 4) carta beban bagi kren bergerak, kren menara dan pelantar kerja aerial;
- 5) butir-butir lengkap ciri-ciri keselamatan mengikut standard yang diiktiraf; dan
- 6) **jika kren, pengangkat, kelengkapan akses gantung, gantri pelancaran, kereta api funikular dan pelantar kerja aerial diimport -**
 - i. sijil pemeriksaan jenis bagi sistem dan laporan yang ditentusahkan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa;
 - ii. sijil ujian oleh pengilang; dan
 - iii. sijil pengilang yang dikeluarkan oleh pengilang; dan
- 7) sijil ujian tali dawai atau rantai, jika berkenaan
- 8) dokumen tambahan lain.

(B) Jentera mengangkat selain lif, eskalator, laluan gerak, kren, pengangkat, kelengkapan akses gantung, gantri pelancaran, kereta api funikular dan pelantar kerja aerial;

- 1) lukisan reka bentuk;
- 2) kiraan reka bentuk yang menggunakan edisi terkini standard yang diiktiraf;
- 3) katalog atau spesifikasi teknikal bagi pengeluaran besar-besaran;
- 4) carta beban bagi kren bergerak, kren menara dan pelantar kerja aerial;
- 5) butir-butir lengkap ciri-ciri keselamatan mengikut standard yang diiktiraf; dan
- 6) **bagi jentera mengangkat yang diimport -**
 - i. sijil ujian oleh pengilang; dan
 - ii. sijil pembuat yang dikeluarkan oleh pengilang
- 7) sijil ujian tali dawai atau rantai, jika berkenaan
- 8) dokumen tambahan lain.

Maklumat yang diperlukan dan kriteria setiap dokumen permohonan adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 1 panduan ini.

Jadual 1: Dokumen Pemohonan Verifikasi Reka Bentuk Jentera Mengangkat

No. Dok.	Folder Dokumen	Nota Penerangan
1.	Lukisan reka bentuk	- Lukisan teknikal dalam <i>landscape orientation</i> dan jelas; - Mengandungi tajuk dan nombor lukisan, model jentera, nama dan butiran pengilang, SWL, kuasa maksimum, ketinggian dan kelajuan mengangkat, saiz dan spesifikasi tali dawai atau rantai, spesifikasi mekanisma pengangkat, kod rekabentuk, bahan binaan serta maklumat teknikal yang penting bagi jentera mengangkat yang dimohon.
2.	Kiraan reka bentuk	- Mengandungi maklumat model jentera mengangkat dan standard diiktiraf yang dirujuk bagi kiraan reka bentuk; - Kiraan reka bentuk daripada pegawai teknikal Pengilang atau Pengilang Asalan adalah wajib bagi jentera baru. Kiraan reka bentuk sistem sokongan jentera mengangkat daripada jurutera profesional yang bertauliah (PEPC) hendaklah disertakan mengikut keperluan; - Kiraan reka bentuk untuk jentera terpakai daripada pegawai teknikal pengilang atau pengilang asalan atau jurutera profesional yang bertauliah (PEPC) atau Orang Kompeten Syarikat yang memohon verifikasi atau Badan Pemeriksaan yang Diberi Kuasa (AIB) bergantung kepada kategori permohonan; - Pengesahan tersebut hendaklah mempunyai tandatangan, nama dan jawatan pegawai teknikal tersebut.
3.	Katalog atau spesifikasi teknikal	Mengandungi nama dan butiran pengilang, maklumat model, SWL, kuasa maksimum, ketinggian dan kelajuan mengangkat dan maklumat teknikal yang penting bagi jentera mengangkat yang dimohon.
4.	Carta beban	Bagi kren bergerak, kren menara dan pelantar kerja aerial.
5.	Ciri-ciri keselamatan jentera	Ringkasan dalam bentuk jadual yang menyenaraikan kesemua ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada jentera tersebut lengkap dengan fungsi setiap satunya.
6.	Sijil pemeriksaan jenis bagi sistem dan laporan (import sahaja)	Sijil dan laporan pemeriksaan jenis (<i>type examination</i>) bagi sistem jentera mengangkat yang ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa (<i>authorized inspecting body-AIB</i>) yang mengandungi perkara berikut: <i>Standards and requirements (recognised standards);</i> <i>Manufacturer information;</i> <i>Specifications, technical data;</i> <i>Description of machine;</i> <i>Examinations and tests;</i> <i>Results;</i> <i>Conclusions;</i> <i>Date of examination;</i>

No. Dok.	Folder Dokumen	Nota Penerangan
		• <i>Validity of the certificate.</i> <i>Conformity test report, inspection report</i> atau setara dengan pemeriksaan jenis bagi sistem juga diterima dengan syarat mengandungi maklumat seperti di atas serta ditentukan oleh AIB di mana kiraan dan reka bentuk hendaklah disemak bersama.
7.	Sijil ujian oleh pengilang (mekanisme pengangkat)	Merujuk kepada sijil ujian mekanisme pengangkat seperti <i>hoist/ winch/ motor/ hydraulic/ pneumatic</i> yang digunakan pada sistem jentera mengangkat; Sekurang-kurangnya mengandungi maklumat model, kapasiti dan mekanisme pengangkat serta standard ujian yang diiktiraf; Mekanisma pengangkat yang dibina kurang daripada 5 tahun semasa adalah dikira baru.
8.	Sijil pengilang (import sahaja)	Sijil yang dikeluarkan oleh pengilang yang mengandungi butiran jentera seperti jenis, SWL, model, tahun dibina, kod rekabentuk, no. siri dan maklumat pembuat; atau <i>Declaration of conformity</i> juga diterima dengan syarat mengandungi maklumat seperti di atas; Sijil pengilang perlu dilampirkan bagi semua no. siri yang dimohon jika loji bukan dimohon pada tahun semasa.
9.	Sijil ujian tali dawai/ rantai	Sijil hendaklah daripada pengilang tali dawai/ rantai dan mengandungi butiran teknikal tali dawai (antaranya <i>rope diameter, construction, minimum breaking load/ minimum breaking force, length etc.</i>), tahun dibina dan maklumat pengilang. Tali dawai/ rantai yang dibina kurang daripada 5 tahun semasa adalah dikira baru.
10.	Surat lantikan pengilang (import sahaja)	Surat yang dikeluarkan oleh pengilang kepada pemasang atau pembekal atau pengedar tunggal atau ejen sah yang dilantik oleh pengilang; Surat ini hendaklah menyatakan dengan jelas tanggungjawab dan skop lantikan (membekal atau memasang atau kedua-dua); Perlu mengandungi sekurang-kurangnya maklumat berikut: • Maklumat syarikat/ PIC dihubungi; • Nama PIC dan tandatangan; • Tarikh dan cop syarikat.
11.	Rekod penggunaan terdahulu (terpakai sahaja)	Rekod penggunaan jentera mengangkat oleh pemunya terdahulu dan sekurang-kurangnya tiga (3) rekod penggunaan.
12.	Rekod menentukan jentera mengangkat tidak pernah mengalami apa-apa kemerosotan (terpakai sahaja)	• Rekod penyenggaraan jentera mengangkat; atau • Rekod pembaikan jentera mengangkat; atau • Pengesahan status jentera terpakai tersebut daripada pemunya terdahulu atau pengedar tunggal atau pengedar atau ejen sah yang dilantik oleh pengilang asalan jentera mengangkat.
13.	Laporan integriti (terpakai sahaja)	Laporan integriti oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa mengikut format yang ditetapkan. (Rujuk Lampiran 3)

No. Dok.	Folder Dokumen	Nota Penerangan
14.	Laporan data pengilang (terpakai sahaja)	Dokumen kawalan kualiti produk oleh pengilang seperti <i>factory acceptance test report</i> (FAT) atau <i>manufacturing data report</i> (MDR) atau pengesahan status jentera terpakai tersebut daripada pengilang.
15.	Dokumen import	Dokumen daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia seperti Borang K1 di mana butiran dan tahun loji dibina hendaklah dinyatakan. Borang K1 hendaklah dilampirkan bagi jentera mengangkat terpakai. Bagi permohonan verifikasi loji import baru, dokumen lain yang berkaitan boleh dilampirkan sebagai pengesahan loji adalah baru
16.	Minit mesyuarat (terpakai sahaja)	Minit mesyuarat yang disahkan oleh Jabatan selepas perbincangan dijalankan.
17.	Prosedur kerja-kerja pengubahan yang akan dijalankan	Prosedur bagi skop kerja-kerja pengubahan yang akan dijalankan bagi loji jentera mengangkat yang dimohon

7.2 Dokumen Permohonan Kelulusan Pengubahan

Dokumen sokongan yang perlu dimuatnaik pada sistem MySKUD bagi tujuan kelulusan pengubahan jentera mengangkat adalah seperti berikut:

- 1) Lukisan reka bentuk bahagian yang terlibat dengan pengubahan beserta perincian atau katalog (mana yang berkenaan);
- 2) Kiraan reka bentuk bahagian yang terlibat dengan pengubahan menggunakan edisi terkini standard diiktiraf;
- 3) Salinan lukisan reka bentuk asal yang diluluskan;
- 4) Salinan surat kelulusan reka bentuk/ verifikasi reka bentuk asal yang diluluskan;
- 5) Surat pelantikan Orang Kompeten Jentera Mengangkat daripada pemunya dan skop lantikan;
- 6) Prosedur kerja-kerja pengubahan yang akan dijalankan;
- 7) Sijil bahan atau sijil komponen siap yang berkaitan dengan kerja-kerja pengubahan; dan
- 8) Dokumen tambahan lain yang diperlukan.

7.3 Dokumen Permohonan Verifikasi Reka Bentuk (Terpakai)

Dokumen sokongan untuk verifikasi reka bentuk jentera mengangkat terpakai adalah seperti berikut:

(A) Kren, pengangkat, kelengkapan akses gantung, gantri pelancaran, kereta api funikular dan pelantar kerja aerial;

- 1) Lukisan reka bentuk;
- 2) Kiraan reka bentuk menggunakan edisi terkini standard diiktiraf;
- 3) Katalog atau spesifikasi teknikal bagi pengeluaran besar-besaran;
- 4) Carta beban (kren bergerak, kren menara dan pelantar kerja aerial);
- 5) Butiran lengkap ciri-ciri keselamatan mengikut standard diiktiraf;

- 6) Sijil ujian oleh pengilang (mekanisma pengangkat);
- 7) Sijil ujian tali dawai/ rantai;
- 8) Minit mesyuarat yang telah disahkan;
- 9) Rekod penggunaan terdahulu;
- 10) Rekod yang menentusahkan loji tidak pernah mengalami kemerosotan;
- 11) Laporan integriti yang diperakui badan pemeriksaan yang diberi kuasa;
- 12) Laporan baki hayat yang diperakui badan pemeriksaan yang diberi kuasa;
- 13) Laporan data pengilang.

(B) Jentera mengangkat selain lif, eskalator, laluan gerak, kren, pengangkat, kelengkapan akses gantung, gantri pelancaran, kereta api funikular dan pelantar kerja aerial;

- 1) Lukisan reka bentuk;
- 2) Kiraan reka bentuk menggunakan edisi terkini standard diiktiraf;
- 3) Katalog atau spesifikasi teknikal bagi pengeluaran besar-besaran;
- 4) Carta beban (kren bergerak, kren menara dan pelantar kerja aerial);
- 5) Butiran lengkap ciri-ciri keselamatan mengikut standard diiktiraf;
- 6) Sijil ujian oleh pengilang (mekanisma pengangkat);
- 7) Sijil ujian tali dawai/ rantai;
- 8) Minit mesyuarat yang telah disahkan;
- 9) Rekod penggunaan terdahulu;
- 10) Rekod yang menentusahkan loji tidak pernah mengalami kemerosotan;
- 11) Laporan integriti yang diperakui badan pemeriksaan yang diberi kuasa;
- 12) Laporan baki hayat yang diperakui badan pemeriksaan yang diberi kuasa;
- 13) Laporan data pengilang.

Senarai lampiran berkaitan permohonan verifikasi reka bentuk dan pengubahan jentera mengangkat adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 2 panduan ini.

Jadual 2: Lampiran Berkaitan Permohonan Verifikasi dan Pengubahan Jentera Mengangkat

SENARAI LAMPIRAN	NOTA PENERANGAN
Lampiran 1A	Kategori Jentera Mengangkat
Lampiran 1B	Loji Mudah Alih Jentera Mengangkat
Lampiran 2	Ketidakkapaian Peraturan LYMPK 2024 (Jentera Mengangkat)
Lampiran 3	Format Laporan Integriti
Lampiran 4	Senarai badan pemeriksaan yang diberi kuasa

8.0 PEMAKLUMAN

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan atau menarik balik verifikasi reka bentuk dan kelulusan pengubahan pada bila-bila masa jika didapati:

- a) Tidak memenuhi atau melanggar mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah berdasarkan Seksyen 27c.(3), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 seperti yang telah dinyatakan di dalam surat verifikasi reka bentuk; atau
- b) Tidak memenuhi atau melanggar mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah di bawah Peraturan 11(1), Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 bagi kelulusan pengubahan; atau
- c) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- d) Telah melanggar mana-mana syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa.

9.0 FI

Fi proses bagi setiap permohonan verifikasi reka bentuk adalah mengikut kategori dan jenis jentera mengangkat. Sila rujuk Jadual Keenam, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

Bil	Kategori Jentera	Fi (RM)
1.	Kren selain kren bergerak, kren menara dan kren menara (termasuk kren kembara atas)	300
2.	Pengangkat	300
3.	Kelengkapan akses gantung	500
4.	Kren bergerak	500
5.	Kren menara	1000
6.	Kren dermaga	1000
7.	Gantri pelancaran	1500
8.	Pelantar kerja aerial	150
9.	Kereta api funikular	2000
10.	Jentera mengangkat yang lain	300

Fi proses bagi setiap permohonan kelulusan pengubahan reka bentuk jentera mengangkat adalah RM300 bagi semua kategori dan jenis jentera mengangkat.

Apa-apa fi yang telah dibayar bagi sebarang permohonan tidak boleh dibayar balik.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

Permohonan yang dikemukakan berserta dokumen yang lengkap akan diproses dalam tempoh **15 hari** bekerja dari tarikh permohonan diterima.

Unit Jentera Mengangkat
Bahagian Keselamatan Industri
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Ruj. Kemaskini: 31/07/2025

Kategori Jentera Mengangkat

Bil	Kategori		Jenis Jentera Mengangkat	Penjelasan
1	Kren	Kren Bergerak	Crawler Crane	-
			Mobile Crane	
2		Kren Menara	Kren Menara (Tower Crane)	<i>Hammerhead, luffing or topless type</i>
			Derrick Crane	-
			Pedestal Crane	-
3		Kren Dermaga	Quayside Container Crane	Di dermaga dan ada landasan kekal
			Rail Mounted Quay Crane (RMQC)	
			Rubber Tired Gantry Crane (RTG) (landasan kekal)	
			Rail Mounted Gantry Crane (RMGC)	
			Wharf Crane (landasan kekal)	
			Rail Portal Crane	
4		Kren Kembara Atas	Overhead Travelling Crane (OTC)	<i>Single girder OTC, double girder OTC, triple girder or underhung type</i>
			Monorail Crane	Termasuk monorail SWL <4T
5		Lain-lain Kren	Gantry Crane	Selain di dermaga dan tiada landasan kekal
			Suspension Jib Material Hoist System	-
			Jib Crane	-
			Rubber Tired Gantry (RTG) Crane	Di dermaga tetapi tiada landasan kekal (beroda)
			Portal Crane	Di dermaga tetapi tiada landasan kekal (<i>fixed or mobile type</i>)
			Straddle Carrier Crane	-
			Sideloader	<i>For loading and unloading containers and cargo</i>

Bil	Kategori		Jenis Jentera Mengangkat	Penjelasan
5	Kren	Lain-Lain Kren	Truck Mounted Crane	<i>Cranes that are mounted onto a standard truck chassis. Also known as truck loader cranes</i>
			Auger Crane (with telescopic boom)	Dilengkapi dengan cara mekanikal untuk menaikkan atau menurunkan beban dengan cangkuk (<i>hook</i>)
			Injection Type Piling Machine (with telescopic boom)	Hanya tertakluk kepada jenis teleskopik bum
			Boring Rig (with telescopic boom)	Hanya tertakluk kepada jenis teleskopik bum
			Pipe Layer	-
			Strand Jack with Gantry System	-
			Spider Crane (with telescopic boom)	Hanya tertakluk kepada jenis teleskopik bum
			Mini/ Baby Crane (for dismantle derrick crane)	<i>Cranes that are used for dismantle derrick crane</i>
			Rail Mounted Crane	<i>Cranes that are fitted onto railway vehicles such as locomotives or wagons for railway use</i>
			Wireline Mast	-
6	Pengangkat benda		Goods Hoist	Digunakan untuk menaikkan dan menurunkan benda. Direka bentuk menggunakan standard selain daripada EN81-31
			Material Hoist	Digunakan untuk menaikkan dan menurunkan benda
			Dumbwaiter	
			Lif Barang (Goods Lift)	<i>Lifts for the transport of goods only</i> (EN81-31)
7	Pengangkat penumpang		Passenger Hoist	Digunakan untuk menaikkan dan menurunkan orang atau, orang dan benda
			Mast Climbing Work Platform (MCWP)	
			Vertical Lifting Platform (VLP)	Mengangkat penumpang sahaja. Direka bentuk dengan standard EN81-41. Laju kontrak ≤ 0.15 m/s atau mekanisma mengangkat adalah menggunakan <i>rack & pinion</i> . Contoh: <i>trapezoidal screw & nut</i>)

Bil	Kategori		Jenis Jentera Mengangkat	Penjelasan
8	Kelengkapan Akses Gantung		False car	Platform kerja yang digerakkan secara menegak
			Temporary Suspended Platform (gondola)	
			Building Maintenance Unit	-
			Maintenance Cage	-
9	Gantri Pelancaran		Gantri Pelancaran	Termasuk <i>beam launching</i>
10	Keretapi Funikular		Kereta api funikular	-
11	Pelantar Kerja Aerial		Mobile Elevating Work Platform (MEWP) (self propelled boom lift, telescopic boom lift, articulated boom lift, vertical mast lift)	- Untuk menaikkan orang untuk bekerja di tempat tinggi; - <i>Scissor lift</i> yang direka bentuk untuk mengangkat orang bekerja di tempat tinggi juga di bawah kategori MEWP
			Mobile Elevating Work Platform (MEWP) (mobile aerial platform, aerial work platform)	Untuk menaikkan orang untuk bekerja di tempat tinggi yang dipasang pada trak sahaja. Dikenali sebagai <i>skylift</i>
			Elevating Work Platform	<i>Referring to aircraft ground equipment. Example: Aircraft refuelling hydrant dispenser/ aviation refuelling tankers which involved operator</i>
12	Lain-lain Jentera Mengangkat		Stair Lift	Laju kontrak ≤ 0.15 m/s
			Self Climbing Platform (SCP)	-
			Mechanical Car Park System (platform only)	Mengangkat kereta sahaja (<i>stacker/ puzzle type</i>)
			Car Body Lifter	-
			Lifting Jack	<i>Permanent type & mobile type</i>
			Strand Jack	-
			Column Lifter	<i>Permanent type</i>
			Mobile Lifter	<i>Mobile type</i>
			Post Lift	<i>For lifting vehicles (post type)</i>

Bil	Kategori		Jenis Jentera Mengangkat	Penjelasan
			Scissor Lift	<i>Scissor lift for lifting goods or cargo only</i>
			Table Lifter	<i>For lifting goods or cargo only</i>
			Vehicle Scissor Lift	<i>For lifting vehicles (scissor type)</i>
			Lifter	<i>For lifting goods or cargo with cage or platform. Using mechanism such as chain or belt or rope or hydraulic</i>
			Post Lift Platform	
			Cargo Lifter	
			Fixed Hoist	<i>Hoist or winch mounted onto the fixed structure</i>
			Chain Hoist	
			Air Hoist (>500kg)	
			Telescopic Mast	-
			Main Deck Loader	-
			Lower Deck Loader	-
			Cable Car	-
			Amusement Park Rides (Category I)	-

Loji Mudah Alih Jentera Mengangkat

Loji mudah alih adalah loji yang dikendalikan dalam mudah alih tanpa dibuka.

Ciri-ciri utama loji mudah alih

- i. Mudah alih: Loji yang direka bentuk untuk mudah dialihkan lain tanpa dibuka di lokasi pemasangan; dan
- ii. Mobiliti: Boleh digerakkan dengan tangan atau dengan bantuan yang minimum atau diangkut dari satu lokasi ke lokasi lain; dan
- iii. Tidak dipasang secara kekal: Loji tidak dipasang secara kekal pada mana-mana struktur atau struktur bangunan.

Loji Mudah Alih Jentera Mengangkat

- Crawler Crane
- Mobile Crane
- Gantry Crane (beroda)
- Jib Crane (beroda)
- Rubber Tired Gantry Crane (beroda, tiada landasan)
- Portal Crane (beroda)
- Sideloader
- Truck Mounted Crane
- Auger Crane (with telescopic boom)
- Injection Type Piling Machine (with telescopic boom)
- Boring Rig (with telescopic boom)
- Pipe Layer
- Spider Crane Machine (with telescopic boom)
- Rail Mounted Crane
- Mobile Elevating Work Platform
- Elevating Work Platform
- Lifting Jack (beroda)
- Mobile Lifter
- Scissor Lift (beroda)
- Table Lifter (beroda)
- Main Deck Loader
- Lower Deck Loader
- Amusement Park Rides (rides tanpa melibatkan sebarang kerja-kerja pembukaan atau pemasangan)

Nota: Tidak terhad kepada contoh di atas

Ketidapkakaan Peraturan LYMPK 2024 (Jentera Mengangkat)

No.	Jenis	Contoh
1	Jentera mengangkat bagi kelengkapan pengendalian benda.	• <i>Material Conveyor</i> • <i>Forklift/ Dumper/ Stacker/ Robotic Arm</i>
2	Jentera mengangkat yang digunakan untuk tujuan menggerudi atau mengorek lubang di dalam tanah atau untuk membuat telaga seperti rig penggerek atau rig gerudi.	• <i>Auger Crane (without telescopic boom)</i> • <i>Boring Rig/ Drilling Rig</i>
3	Jentera mengangkat yang digunakan untuk memacu cerucuk atau cerucuk gerudi ke dalam tanah untuk membina tiang, jambatan, empangan dan struktur sokongan tiang lain sebagai sebahagian daripada asas kekal untuk bangunan atau struktur lain yang dilekapkan di atas roda berantai.	• <i>Pilling Machine (mounted on crawler truck)</i> • <i>Boring Rig/ Drilling Rig (mounted on crawler truck)</i>
4	Jentera mengangkat iaitu win yang dipasang pada kenderaan.	• <i>Tow truck</i> • <i>Slipway Winch/ Boat Winch</i>
5	Jentera mengangkat yang dipasang sebagai perata dok iaitu kelengkapan kekal yang diletak di pintu dok yang digunakan untuk menaik atau menurunkan paras dok.	• <i>Dock Leveller</i>
6	Jentera mengangkat yang dipasang sebagai kelengkapan bantuan mengangkat ergonomik untuk membantu pekerja mengangkat, menggerakkan kedudukan barang-barang atau beban yang terlalu berat untuk dilakukan secara manual seperti manipulator.	• <i>Manipulator</i> • <i>Ceiling Hoist (a lifting device installed on the ceiling to assist individuals with mobility challenges in transfers)</i>
7	Jentera mengangkat yang digunakan sebagai platform atau laluan bertingkat yang menyediakan laluan seperti menara laluan.	• <i>Gangway Tower</i> • <i>Drawbridge</i>
8	Jentera mengangkat iaitu penghantar tegak yang digunakan untuk menggerakkan atau mengangkut beban dalam laluan yang telah ditentukan dan mempunyai titik pemuatan dan pemunggahan beban, pada kedudukan tetap atau selektif.	• <i>Vertical Conveyor (jenis conveyor sahaja dan tidak termasuk jenis lifter)</i>
9	Jentera mengangkat iaitu kelengkapan mekanikal yang dipasang secara tetap di belakang kenderaan dan direka bentuk untuk mengendalikan beban dari aras tanah atau dok punggah ke aras lantai kenderaan, atau sebaliknya.	• <i>Tail Lift</i> • <i>Grabber Truck</i>
10	Jentera mengangkat yang menjadi kelengkapan sistem simpanan dan dapat kembali automatik.	• <i>Automated Storage and Retrieval System (ASRS)</i> • <i>Fully Automated Mechanical Car Park System</i>
11	Jentera mengangkat iaitu kren yang ketinggian mengangkat tidak melebihi sembilan meter dan beban kerja maksimumnya tidak melebihi lapan puluh kilogram.	• <i>Monkey Hoist</i>
12	Jentera mengangkat yang menggunakan udara atau pneumatik dan beban kerja maksimumnya yang tidak melebihi lima ratus kilogram.	• <i>Air Hoist with SWL ≤ 500kg</i> • <i>Pneumatic Hoist</i> • <i>Vacuum Lifter</i>

FORMAT LAPORAN INTEGRITI

- 1) Laporan integriti bagi jentera mengangkat hendaklah diperakui oleh **badan pemeriksaan yang diberi kuasa** yang diiktiraf Jabatan seperti dalam **Lampiran 4**:
- 2) Berikut adalah format laporan integriti yang mengandungi maklumat:
 - i. Latar belakang jentera mengangkat yang dimohon untuk verifikasi reka bentuk terpakai;
 - ii. Skop kerja (*scope of work*)*;
 - iii. Jenis pengujian yang dijalankan seperti ujian fungsi peranti keselamatan pada beban kerja selamat dan ujian beban maksimum mengikut spesifikasi asal atau ujian beban lampau oleh pengilang;
 - iv. Keputusan ujian-ujian yang dijalankan;
 - v. Ulasan dan cadangan;
 - vi. Tindakan penambahbaikan yang telah dijalankan;
 - vii. Gambar jelas menunjukkan keadaan jentera, no. plat, meter penggunaan jentera;
 - viii. Sijil-sijil ujian berdasarkan skop kerja;
 - ix. Pengesahan *remaining life cycle* bagi jentera mengangkat;
 - x. Rumusan/ kesimpulan ujian. Jentera hendaklah disahkan ***fit to use*** atau ***fit for service*** oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa;
 - xi. Pengesahan penyediaan laporan integriti (mengandungi nama pemeriksa, nombor telefon yang boleh dihubungi, tandatangan pemeriksa, alamat dan cop syarikat).

* *Scope of work*:

- i. *Provision of Third Party Inspection Services (Condition Survey) as per DOSH Requirement. To conduct full supervision during the integrity inspection in accordance to approved Method Statement but not limited to:*
 - a) *Conduct visual inspection and report*
 - b) *Witness functional test, load test & overload test*
 - c) *Witness Non-destructive test (NDT)*
 - d) *Manufacturer Data Report review and endorsement (if any)*
 - e) *Preparation and issuance of Inspection Report*
 - f) *Progress meeting with DOSH Putrajaya (if required)*
- ii. *Provision of Material Non-Destructive Testing (NDT) Services (which applicable minimum two (2) tests):*
 - a) *Ultrasonic Testing Thickness Measurement (UTTM)*
 - b) *Positive Material Identification (PMI)*
 - c) *Hardness Test*
 - d) *Magnetic Particle Inspection (MPI)*
 - e) *Preparation of NDT report*

<https://dosh.gov.my/wp-content/uploads/2025/02/Badan-Berkuasa-Memeriksa.pdf>

Ruj. Kemaskini: 31/7/2025

**SENARAI BADAN PEMERIKSAAN YANG DIBERI KUASA BERDASARKAN JADUAL
PERTAMA**

1. All members of the Vereinigung der Technischen Uberwachungs- Vereine e.V
2. Apave SA, France
3. Apave TIV Malaysia Sdn Bhd
4. Associated Offices Technical Committee, Manchester 3, Great Britain
5. Association des Industriels de Belgique (A.I.B), Brussels, Belgium
6. Badan pemeriksaan yang diberi kuasa yang disenaraikan di bawah Kesatuan Eropah untuk menjalankan penilaian pematuhan mengikut Council Directive
7. Bataafse Internationale Petroleum Maatschappij NV., Holland
8. British Engineering Services Limited
9. Bureau Veritas International Register of Shipping, Paris
10. C & P SR
11. DNV GL AS
12. HSB Inspection Quality Limited, United Kingdom
13. HSB Of Connecticut, U.S.A
14. International Business & Mercantile Reassurance Company
15. Intertek Testing Services (Japan) K.K
16. Japan Boiler Association, Tokyo
17. Japan Inspection Company Ltd., Tokyo
18. Kiwa Sweden AB, Sweden
19. Koatsugase Hoan Kyokai (KHK), Japan
20. LRQA VERIFICATION LIMITED, London
21. Moody International Ltd. (M.M.I), United Kingdom
22. New Zealand Marine Department
23. Nippon Kaiji Kyokai, Japan
24. OneCis Insurance Company, USA
25. Plant Safety Limited, United Kingdom
26. Registro Italiano Navale (RINA), Italy
27. S.G.S Far East Ltd
28. Schweizerischer Verein Fur Technische Inspektionen (SVTI)
29. Shanghai Institute of Special Equipment Inspection and Technical Research, Shanghai, People Republic of China
30. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Malaysia
31. Societe Generale de Surveillance
32. Sticing Independent Inspectors Pool, Holland (Shell Group of Companies)
33. Technical Standards and Safety Authority, Ontario, Canada
34. The Royal Danish Boiler Inspection Department
35. TUV Industrie Service GmbH, TUV Rheinland Group, Cologne
36. TUV Suddeutschland Group, Munich
37. Velosi Certification Bureau Limited, United Kingdom
38. Vincotte International, Belgium
39. Zurich Risk Services, United Kingdom